



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PENGARAH (SUPERSCALE C)
BAHAGIAN KHIDMAT BAKTI NEGARA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PENGARAH
BAHAGIAN KHIDMAT BAKTI NEGARA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
SUPERSCALE C (\$6,800 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. i) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Applied Science* / Pengajian Islam / Pengurusan dan Pentadbiran / Sains Kemasyarakatan / Sains atau bidang bersesuaian.

DAN

- ii) Telah berkhidmat di Bahagian Khidmat Bakti Negara sebagai Penolong Pengarah dalam tangga gaji Kumpulan 2 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- iii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dari agensi keselamatan di bawah perkhidmatan awam seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat, Biro Kawalan Narkotik, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri atau agensi keselamatan yang sebanding dalam tangga gaji Kumpulan 1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 2 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 10 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

Mempunyai pengalaman dalam pengurusan institusi latihan atau yang sebanding dengannya adalah kelebihan.

ATAU

2. Pernah berkhidmat dengan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) sekurang-kurangnya berpangkat Kolonel atau dengan Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) atau dengan Jabatan Penjara dalam jawatan bersesuaian.


Ijazah Sarjana Muda atau kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang yang bersesuaian dan/atau mempunyai pengalaman dalam bidang Pengurusan Institusi Latihan atau yang sebanding dengannya adalah kelebihan.



3. Dikehendaki untuk lulus ujian *Basic Fitness Test (BFT)* yang dikendalikan oleh Bahagian Khidmat Bakti Negara.
4. Pernah mengikuti Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) sebagai pelatih PKBN adalah kelebihan.
5. Mengikuti dan lulus kursus 'Program Pembangunan Eksekutif' atau kursus yang sebanding yang diiktiraf oleh Perkhidmatan Kerajaan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Mengetuai Sektor Pentadbiran dan Pengurusan (Ibu Pejabat) dan Sektor Latihan, Bahagian Khidmat Bakti Negara dan bertanggungjawab kepada pelaksanaan, perkembangan dan kemajuan dalam semua hal berkaitan dengan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN);
2. Merancang keperluan untuk perkembangan PKBN mengikut hala tuju dalam garispandu Majlis Khidmat Bakti Negara;
3. Merangka dan mencadangkan penambahbaikan dasar-dasar dan strategi bagi perkembangan PKBN sekali gus meningkatkan kepercayaan dan keyakinan masyarakat pada kemampuan PKBN dalam melahirkan Belia Brunei Cemerlang;
4. Menyelaras keselamatan dan pemeliharaan bangunan Bahagian Khidmat Bakti Negara;
5. Selaku urusetia Majlis Khidmat Bakti Negara;
6. Pengerusi bagi jawatankuasa-jawatankuasa berikut:
 - i. Jawatankuasa Penyelaras PKBN;
 - ii. Jawatankuasa Menyiasat sebarang aduan dari ibu bapa dan/atau pelatih berhubung dengan program dan jurulatih PKBN;
 - iii. Jawatankuasa Perkembangan Sumber Tenaga Manusia, Bahagian Khidmat Bakti Negara;
 - iv. Jawatankuasa Tawaran dan Sebutharga, Bahagian Khidmat Bakti Negara;
 - v. Jawatankuasa Dalaman Menilai Peruntukan Belanjawan, Bahagian Khidmat Bakti Negara;



- vi. Jawatankuasa Penghapusan Kira-Kira dan Audit Dalam;
 - vii. Jawatankuasa *Post-Programme* PKBN;
 - viii. Jawatankuasa promosi PKBN;
 - ix. Jawatankuasa mengendalikan sebarang acara atau Majlis seperti Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Majlis Permulaan Latihan dan Tamat Latihan PKBN; dan
 - x. Jawatankuasa-Jawatankuasa yang lain yang dilantik dari semasa ke semasa.
7. Mengadakan *dialogue* dengan para ibu bapa pelatih semasa 'Hari Keluarga Pelatih' dalam usaha untuk menanamkan hubungan silaturahmi disamping mendapatkan maklumbalas, buah fikiran dan cadangan bagi menambahbaikkan PKBN;
 8. Beramah mesra dengan pelatih dan jurulatih sepanjang latihan PKBN dijalankan; dan
 9. Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Majlis Khidmat Bakti Negara dan Pegawai atasan dari semasa ke semasa.